

Had Kebebasan Bersuara dalam Hak Kebebasan Beragama di Malaysia

Limits of Expression in Religious Freedom Rights in Malaysia

Ahmad Munawar Ismail¹, Wan Kamal Mujani²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
28 NOVEMBER 2020	28 NOVEMBER 2020	30 NOVEMBER 2020

ABSTRAK

Islam bukan agama yang eksklusif. Fitrahnya terbuka dan mampu diterima oleh semua peringkat dan lapisan manusia. Oleh sebab itu, Islam tidak boleh dikaitkan dengan etnik-etnik tertentu, atau bangsa-bangsa tertentu, atau negara-negara tertentu, atau fahaman-fahaman tertentu. Islam adalah agama untuk semua dan seruannya merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia. Namun demikian, ini tidak bermakna semua orang bebas bercakap tentangnya. Penting untuk diingatkan. Dasar Islam adalah al-Quran dan hadis serta bahasa ilmunya adalah Bahasa Arab. Justeru, harus ada ciri-ciri tertentu kepada seseorang individu bagi membolehkannya bercakap tentang agama, berbincang tentang agama dan berbahasa tentang agama. Artikel ini telah membicarakan hal-hal berkaitan had kebebasan bersuara dalam hak kebebasan beragama di Malaysia. Artikel ini dibentuk secara naratif melalui analisa kandungan terhadap teks-teks utama yang berkaitan dengan isu ini. Perbahasan dapatan kajian menunjukkan, selain daripada ciri-ciri khas yang mesti ada kepada seseorang individu jika ingin mengeluarkan pandangan tentang agama, terdapat kategori tambahan yang mesti dipatuhi oleh seseorang individu warganegara Malaysia, iaitu hak kebebasan beragama menurut undang-undang dan perlembagaan negara Malaysia. Kefahaman yang betul mengenainya adalah penting bagi menjaga keharmonian beragama di Malaysia. Perkataan yang paling tepat berkaitan hal ini adalah hak kebebasan beragama dalam perlembagaan Malaysia yang perlu diterima adalah hak kebebasan yang tidak mutlak.

Kata Kunci: *Islam, hak kebebasan beragama, perlembagaan Malaysia, keharmonian beragama, liberal.*

ABSTRACT

Islam is not an exclusive religion. His nature is open and can be accepted by all levels and layers of human beings. Therefore, Islam cannot be associated with certain ethnicities, or certain nations, or certain countries, or certain ideologies. Islam is a religion for all and its call encompasses all aspects of human life. However, this does not mean that everyone is free to talk about it. Important to remember. The basis of Islam is the Quran and the hadith and the language of knowledge in Arabic. Therefore, there must be certain characteristics to an individual to enable him to talk about religion, discuss religion, and discuss religion. This article will discuss matters related to limits of expression in religious freedom rights in Malaysia. This article is structured narratively through content analysis of key texts related to this issue. The debate on the findings of the study shows that, apart from the special features that an individual must have if he wants to express his views on religion, there is an additional category that must be complied with by an individual Malaysian citizen, namely the right to freedom of religion according to the laws and constitution of Malaysia. A correct

¹ Ahmad Munawar Ismail adalah pensyarah di Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor.

² Wan Kamal Mujani adalah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor.

understanding of it is important to maintain religious harmony in Malaysia. The most accurate word on this matter is the right to freedom of religion in the Malaysian constitution which must be accepted as the absolute right to freedom.

Keywords: *Islam, religious freedom, Malaysian constitution, religious harmony, liberal.*

Pendahuluan

Kemajuan berfikir dan keupayaan berkongsi maklumat melalui sistem telekomunikasi yang cepat dan canggih menjadikan isu-isu berkaitan agama sering mendapat perhatian masyarakat pelbagai peringkat di Malaysia. Selain isu-isu berkaitan pandemik covid 19, isu-isu penting berkaitan agama yang mula dibicarakan secara terbuka adalah mengenai hak kebebasan beragama. Hak yang dimaksudkan termasuk hak untuk menukar kepercayaan agama, hak untuk menyatakan pegangan agama secara terbuka dan hak untuk mengisytiharkan kepercayaan melalui amalan, ajaran dan penyebaran. Perbincangan mengenai isu-isu ini jika tidak dikawal atau ditangani dengan berhati-hati, ia mampu mempengaruhi cara berfikir masyarakat khususnya generasi muda Islam. Dalam dunia terbuka pada hari ini, implikasi daripada pandangan kumpulan ini berkemungkinan membawa generasi muda berfikir lebih daripada had-had yang dibenarkan dalam agama terutama bagi mereka yang tidak memiliki asas dalam memahami teks dan konteks satu-satu ayat al-Quran dan hadis. Lebih buruk, apabila corak dan cara berfikir seperti ini boleh membawa kepada tindakan yang lebih agresif seperti fanatik, jumud, liberal, ekstrem dan radikal. Artikel ini telah membincangkan mengenai hak kebebasan beragama daripada pelbagai perspektif. Perbincangan ini penting sebagai persediaan untuk kita melihat dan mengenal pasti dengan lebih dekat sejauh mana nilai ini dikongsi bersama dengan generasi muda tentang dalam membentuk hala tuju yang lebih konsisten dalam memelihara Islam sebagai agama bagi Persekutuan Malaysia sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Hak kebebasan beragama

Kehidupan di era langit terbuka ini adalah suatu yang sukar dan sangat berisiko. Senario seseorang yang merasakan kefahaman kepada sesuatu isu itu adalah memadai dengan melalui sumber yang disebarkan melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter dan Instagram adalah suatu yang membimbangkan. Sebaran tanpa had dan kemudahan serta kebebasan mengakses maklumat tanpa sekatan mendedahkan pengguna kepada maklumat-maklumat yang tidak tepat dan tidak memiliki sumber-sumber yang asli. Sesuatu yang “tular” atau “viral” melalui media-media yang disebutkan ini sangat mudah untuk dieksploitasikan. Implikasinya sangat besar lebih-lebih lagi apabila sesuatu isu itu dikaitkan dengan agama. Umpamanya, ulasan berkaitan kes pelantikan bekas ahli akademik sebagai Menteri Pendidikan selepas PRU14 yang dikatakan tidak diterima baik oleh pengkritik dan aktivis hak asasi. Disebut di dalam ulasan ini, ramai daripada mereka yang bimbang tentang kecenderungan fahaman Salafi yang sama diamalkan di Arab Saudi akan menjadi inspirasi kepada pengubalan beberapa undang-undang di bawah kementeriannya. Selain itu, pengkritik juga menyuarakan kebimbangan terhadap beberapa kenyataan lampau Dr. Maszlee Malik terhadap orang Islam bukan Sunni, sejajar pendirian pihak berkuasa agama Islam di Malaysia. Rentetan daripada itu, kononnya, satu petisyen atas talian telah dilancarkan antara lain untuk menyatakan sokongan kepada Tun Dr. Mahathir meneruskan rancangan melantik diri Tun sebagai Menteri Pendidikan. Dalam tempoh kurang 24 jam, petisyen atas talian di change.org itu dikatakan telah

mencapai sasaran 50,000 tandatangan, dengan lebih 40,000 orang menandatangani setakat 1 tengah hari 19 Mei 2018 (FMT Reuters 2018). Meskipun Menteri tersebut meletakkan jawatannya dan digantikan dengan Tun Dr. Mahathir dan sekarang telah beralih pula kepada Menteri Pendidikan daripada kerajaan Perikatan Nasional iaitu Senator Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin namun apa yang membimbangkan adalah pemikiran seperti ini wujud dan akan terus wujud serta keluar apabila individu-individu penting yang dilantik bertentangan dengan cara dan corak kumpulan tersebut berfikir.

Justeru, jika artikel (FMT Reuters 2018) ini dirujuk kembali nescaya pelbagai persoalan boleh ditimbulkan. Istilah-istilah yang digunakan dalam artikel tersebut kabur seperti perkataan “pengkritik” yang dibuat secara umum tanpa menjelaskan mana-mana pihak yang boleh dipertanggungjawabkan. Jelasnya, artikel-artikel seperti ini mempunyai maksud yang tersembunyi, ditulis oleh kelompok yang pengecut dan dilindungi oleh kumpulan-kumpulan yang mempunyai agenda peribadi. Pemikiran seperti ini datang daripada sikap prejudis golongan tertentu terhadap Islam. Ia timbul kesan daripada pengaruh pemikiran yang sempit dan jumud. Kumpulan ini mengeksploitasi media untuk kepentingan dan agenda mereka yang tersembunyi. Sebahagiannya datang daripada mereka yang sering mencabar hak kebebasan beragama dengan meletakkan hak kebebasan beragama sebagai sebahagian daripada hak asasi manusia. Melaluinya, mereka merasakan berhak untuk mempertikai kepercayaan agama dan menyebarkan isu-isu berkaitan agama dengan logik mereka yang jahil.

Kebebasan beragama dan peradaban Barat

Kebebasan beragama bermaksud hak untuk menukar kepercayaan agama sebagaimana yang dipilih oleh seseorang; atau hak untuk menyatakan pegangan agama secara terbuka tanpa ketakutan dikenakan sesuatu tindakan; atau hak untuk mengisytiharkan kepercayaan melalui amalan, ajaran dan penyebaran (L.B Curzon 2006). Kebebasan beragama juga bermaksud setiap orang bebas untuk memilih, mengganti, mengamalkan dan menyiarkan agamanya sesuai dengan keyakinan. (Tri Yuliana 2016). Menurut Amad F. Yousif (1999), dalam sistem liberal Barat, agama adalah urusan persendirian. Ia harus dipisahkan sama sekali dengan urusan gereja atau urusan negara. Hak kebebasan beragama atau kebebasan memilih agama hanya boleh dipertahankan melalui pembahagian kehidupan rakyat kepada dua bidang iaitu objektif dan subjektif. Objektif merujuk kepada urusan negara, manakala subjektif pula merujuk kepada urusan persendirian.

Membicarakan pandangan Barat tentang keterbukaan mereka dalam membahaskan isu-isu agama tidak boleh lari daripada menyorot kembali sirah mereka pada zaman pergerakan intelektual Eropah yang disebut zaman pencerahan (Age of Enlightenment). Zaman di mana agama bukan lagi menjadi satu dogma eksklusif tetapi elemen-elemen seperti idea tentang Tuhan, kemanusiaan, sebab dan musabab dibahaskan secara bebas dan terbuka pada semua aspek hingga mendorong berlaku revolusioner dalam bidang-bidang lain seperti seni, falsafah dan politik (Khalif Muammar 2009). Pengaruh “masa” ini, di samping pendekatan sosiologi dan fenomenologi sedia ada mula memberi pengiktirafan luar biasa kepada peranan akal, fungsi rasional dan pengalaman empirikal manusia untuk membentuk fahaman yang bebas daripada kongkongan agama dan membentuk fahaman baru yang disebut sekularisme (Al-Attas 1993). Kata al-Attas, sekularisme berusaha menghilangkan pesona dari alam tabie dan meniadakan kesucian dan kewibawaan agama dalam politik. Walau bagaimanapun ia tidak pernah menghapus kesucian dan kemutlakan nilai kerana sistem ini membentuk sistem nilainya tersendiri dengan maksud agar dipandang sebagai mutlak dan tidak berubah. Maksudnya, agama adalah hak individu yang hidup dengan disiplinnya yang tersendiri. Manakala bidang-

bidang lain juga adalah hak individu yang berdiri dengan disiplinnya yang tersendiri. Setiap bidang termasuk politik akan membentuk nilainya tersendiri melalui pengalaman seseorang dalam setiap bidang dan disiplin yang diceburi tanpa terikat dengan kongkongan agama (Al-Attas 1993).

Implikasinya, masyarakat Eropah mula berfikir secara liberal. Bagi mereka, semua orang layak dan bebas mentafsir agama. Semua orang berhak tanpa mengira kelayakan membicarakan persoalan mengenai kewujudan tuhan dan apa sahaja perkara berkaitan tuhan dan perundangan tuhan secara logik. Mereka sangat mengagungkan akal dan rasional serta mula mempersoal agama dan kebenaran. Sesuatu kebenaran dilihat sebagai sesuatu yang relatif serta meyakini bahawa akal dan rasional mampu memahami fenomena alam dengan sendiri. Bagi mereka, Eropah akan terus berada dalam kemunduran jika masih kuat berpegang pada agama (Idris Zakaria 2006 & Khalif Muammar 2009). Kebebasan yang ingin dicapai dalam falsafah ini adalah, seseorang manusia itu bebas untuk melakukan sesuatu yang melibatkan haknya termasuk beragama tanpa ada sebarang tekanan daripada mana-mana pihak dan keputusan yang dilakukan adalah atas kehendak sendiri tanpa ada campur tangan tuhan dan agama. Keadaan inilah yang disebut sebagai penggunaan akal fikiran dan mengutamakan hawa nafsu.

Barat memilih jalan hidup ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya faktor trauma sejarah. Masyarakat di Barat telah mengalami satu trauma sejarah, terutamanya yang berkaitan dengan dominasi agama Kristian pada zaman pertengahan yang memberi pengalaman pahit bagi mereka sehingga menggelarkannya sebagai zaman kegelapan atau *The Dark Age*. Pada zaman itu, masyarakat Eropah dicengkam kuat oleh agama Kristian Katholik. Kristian Katholik yang berpegang kepada dasar bahawa mereka adalah wakil Tuhan di bumi. Mereka telah memaksa semua lapisan masyarakat agar patuh kepada kuasa agama dan gereja. Hak asasi gereja ialah meletakkan dasar-dasar kehidupan, pentadbiran, ekonomi hinggalah kepada akhlak dan kehidupan individu selama 1000 tahun (abad ke 5-ke 15). Faktor jahil pada Kitab Bible juga menjadikan masyarakat Eropah tidak mengenali teks ini dengan baik. Kegagalan memahami teks Bible menjadi faktor kepada kelemahan pengetahuan dan kefahaman mereka terhadap isu-isu berkaitan teologi agama Kristian. Implikasiya, cara berfikir sekular dan corak pemikiran liberal telah menguasai cara hidup mereka. Mereka mengalami trauma terhadap agama, sehingga mereka tidak mahu lagi merujuk atau mengaitkan kehidupan seharian mereka dengan agama. Bahkan mereka menjadikan dan mengutamakan akal dalam menyelesaikan semua perkara yang berkaitan dengan individu dan masyarakat (Adian Husaini 2005; Idris Zakaria 2006). Kecenderungan ini membawa kesan yang lebih besar kepada fahaman pluralisme agama, iaitu menganggap bahawa semua agama adalah sama.

Pluralisme dari perspektif agama merujuk kepada falsafah kewujudan pelbagai agama dan dakwaan terhadap kebenaran yang diajukan oleh setiap agama (*religious truth claim*). Lawan bagi pluralisme agama ialah eksklusivisme yang mendukung fahaman bahawa hanya terdapat satu agama sahaja yang membawa kebenaran mutlak manakala agama-agama lain adalah palsu. Terdapat satu lagi istilah yang dipopularkan sebagai jalan tengah antara pluralisme dan eksklusivisme iaitu inklusivisme, yang bermaksud wujudnya satu agama yang mutlak, manakala agama lain hanyalah sebahagian daripada kebenaran mutlak itu (Haslina 2014). Falsafah pluralisme agama menganjurkan fahaman bahawa setiap agama mempunyai pandangan, persepsi dan respon yang berbeza-beza terhadap Tuhan/Kebenaran mutlak (*God/Absolute Truth*). Kepelbagaian pandangan ini telah membangkitkan persoalan mengenai dakwaan Tuhan manakah yang paling tepat (benar)? Mengapakah setiap agama memberikan pendapat yang bertentangan dengan Tuhan dan Kebenaran Mutlak? Dalam hal ini, Pluralisme

agama juga menjustifikasikan bahawa setiap dakwaan berkaitan kebenaran itu adalah relatif dan bukan mutlak. Oleh yang demikian, falsafah ini menganjurkan agar pengiktirafan bukan sahaja diberikan kepada kewujudan pelbagai agama malahan dakwaan terhadap kewujudan pelbagai Tuhan/Kebenaran Mutlak sebagaimana yang dipegang oleh setiap agama (Hick 1987). Falsafah ini wujud kesan daripada hubungan rapat antara tamadun Barat dengan Agama yang dipelopori oleh agama Kristian sehingga dikenali sebagai Barat Kristian. Falsafah ini didokong kuat oleh pendokong para sarjana Barat. Memandangkan penguasaan Kristian Katolik terutama semasa pemerintahan Rom menjadikan Agama Kristian dilihat sebagai suatu agama yang unik dan mutlak sehingga menjadikannya fahaman yang eksklusive (Haslina 2014). Falsafah ini menjustifikasikan kepelbagaian agama dan dakwaan yang dibuat keatas kebenaran agamanya (*truth claim*). Ia juga menganjurkan agar pengiktirafan bukan sahaja kepada kewujudan pelbagai agama tetapi juga dakwaan terhadap Tuhan atau kewujudan Mutlak yang dipegang oleh setiap agama (Haslina Ibrahim 2014 & Khalif Muammar 2013).

Jelasnya, sejarah pluralisme ini bermula akibat daripada kegagalan kedua-dua pihak memberikan bukti dan alasan yang kukuh terhadap Inklusif dan Eksklusif sehingga menjadikan pluralisme ini suatu yang tidak dapat dielakkan. Inklusif muncul dalam pemikiran keagamaan di Barat sebagai reaksi terhadap eksklusivisme. Eksklusivisme dan Inklusivisme tidak dapat menyelesaikan konflik kepelbagaian agama maka, diperkenalkan Pluralisme agama untuk melihat semua agama dari perspektif berbeza yang mana dianggap lebih terbuka. Wilfred Cantwell Smith dan John Hick antara tokoh yang menjadi pengasas dan dijadikan kayu ukur dalam pemikiran Pluralisme agama (Khalif Muammar 2013) Hal ini (Pluralisme Agama) sebagaimana yang telah disebut oleh Anis Malik Thoha (2005) adalah terhasil daripada zaman Pencerahan (*Enlightenment*) yang mana zaman yang berorientasikan akal (*Rasionalisme*). Zaman ini menjadi titik tolak kepada pemikiran moden sehinggakan mewujudkan konflik antara gereja dan kehidupan nyata di luar gereja. Hakikatnya, pada asalnya semua agama mengamalkan sikap eksklusivisme dan mempercayai bahawa jalan keselamatan tidak boleh ditawarkan menawan. Walau bagaimanapun hal sebegini terus berlaku kerana mereka tidak mampu membuktikan dan mempertahankan agama mereka secara Rasional. Tidak dinafikan bahawa fahaman ini sangat besar dipengaruhi oleh Barat dan berakar sejak zaman pascamodenisme yang mana wujudnya *idea no truth claim* dan pemikiran relativisme (Khalif Muammar 2013).

Justeru, ada beberapa aspek yang perlu diambil kira dalam meringkaskan pandangan Barat mengenai hak kebebasan beragama ini. Pertama, manusia mesti diberi kebebasan memilih agama kerana kepercayaan bahawa untuk mencapai kemajuan hidup, masyarakat harus dibebaskan dari tradisinya iaitu menentukan atau memuktamadkan apa yang baik bagi seseorang individu. Menurut Barat, kebenaran bukan suatu yang mutlak atau kebenaran itu bersifat relatif atau nisbi yang boleh berubah-ubah mengikut keperluan dan tuntutan. Alat yang akan menentukan 'keperluan' dan 'tuntutan' tentang makna kebenaran atau sesuatu realiti, hukum atau kepercayaan yang wujud dalam persekitaran manusia adalah benar apabila ia boleh dibuktikan oleh rasional atau akal manusia. Maka, tidak ada autoriti dalam beragama. Moral adalah bersifat relatif atau milik mutlak individu. Mereka berhak memberi tafsiran terbuka terhadap ajaran agama. Jelasnya, Agama adalah natijah dari himpunan konsep-konsep yang terhasil dari perkembangan pemikiran manusia. Urusannya boleh dicampuri oleh semua peringkat golongan walaupun oleh bukan ahlinya atau sehinggakan oleh orang yang bukan menganut ajaran agama tersebut. Ringkasnya, Agama ialah suatu bahan yang boleh dirasionalkan mengikut keperluan dan tuntutan kehidupan manusia.

Islam dan hak kebebasan beragama

Hakikat kebebasan beragama boleh difahami dengan jelas melalui kalimah-kalimah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis. Melalui terjemahan dan tafsiran yang diberikan oleh ulama, kita dapat menilai sama ada tafsiran yang diberikan mengenai kebebasan agama dengan kebebasan yang difahami oleh masyarakat hari ini mempunyai persamaan atau tidak. Berikut merupakan beberapa ayat al-Quran dan hadis yang menerangkan tentang kebebasan beragama. Ayat yang pertama yang menyebut mengenai kebebasan beragama ialah:

وَقُلِ الْحَقُّ مِن رَّبِّكُمْ فَمَن شَاءَ فَلْيُؤْمِن وَمَن شَاءَ فَلْيُكْفُرْ إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا أَحَاطَ بِهِمْ سُرَادِقُهَا وَإِن يَسْتَغِيثُوا يُغَاثُوا بِمَاءٍ كَالْمُهْلِ يَشْوِي الْوُجُوهَ بِئْسَ الشَّرَابُ وَسَاءَتْ مُرْتَفَقًا.

(Al-Kahfi 18: 29)

Maksudnya:

“Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya. Kerana kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang”.

Al-Tabbari (2009) dalam membahaskan ayat ini mentafsirkan, bahawa hanya Allah SWT sahaja yang berkuasa memberikan hidayah dan kesesatan. Seorang itu bebas untuk memilih. Jika sekiranya seseorang itu ingin memilih untuk beriman maka jadilah ia seorang yang beriman dan begitulah sebaliknya, sekiranya seseorang itu memilih untuk menjadi kafir maka kekafiranlah yang akan berlaku ke atas dirinya. Hal ini dilihat seseorang itu mempunyai pilihan ke atas dirinya. Walau bagaimanapun, di dalam tafsiran tersebut juga Allah SWT turut menyatakan, di atas setiap pilihan yang dilakukan oleh seseorang manusia itu juga Allah SWT telah memberikan satu peringatan berbentuk ancaman dan janji. Maka pilihan tersebut bukanlah satu kemutlakan daripada Allah untuk menjadikan seseorang itu kafir atau beriman. Bagi mereka yang memilih untuk menjadi kafir dan kufur kepada Allah SWT maka Allah SWT telah menyiapkan atau menjanjikan ancaman bagi mereka api yang mengelilingi (neraka) dan bagi mereka yang memilih untuk taat dan beriman Allah SWT, Allah SWT akan menunaikan janji-janji yang baik kepada mereka.

Hal ini sama turut diriwayatkan daripada Ibnu Abbas iaitu mengenai firman Allah SWT di atas. Ibn Abbas berkata, barang siapa yang Allah kehendaki baginya keimanan, maka dia akan beriman, dan barang siapa Allah kehendaki kekufuran baginya, maka dia akan kafir. Itulah makna firman Allah SWT dalam surah al-Takwir ayat 29 yang bermaksud, “Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (mengenai sesuatupun), kecuali dengan cara yang diatur oleh Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir seluruh alam. Menurut al-Tabbari (2009) lagi, Ini bukanlah kemutlakan dari Allah untuk menjadikan kafir atau beriman dengan kehendakNya, akan tetapi ini merupakan ancaman dan janji. Al-Syanqithi (2006), dalam membahaskan ayat ini menyatakan, bahawa zahir ayat ini dilihat seperti satu perintah oleh Allah Taala untuk manusia membuat pilihan sama ada untuk memilih kafir atau memilih untuk

beriman. Menurut tafsiran beliau, ayat ini bukanlah membawa maksud untuk membenarkan seseorang itu membuat pilihan, akan tetapi ayat tersebut hanya bertujuan untuk menakutkan. Ia adalah salah satu kaedah gaya bahasa yang sekiranya tidak difahami dengan baik maka rugilah bagi mereka yang memilih untuk menjadi kafir kerana Allah telah menyediakan balasan siksa yang pedih di akhirat kelak.

Hal yang sama turut dinyatakan oleh Sayyid Qutub (2000). Menurut beliau, bagi manusia, mereka boleh memilih sama ada keimanan atau kekufuran. Bagi yang tidak mahukan kebenaran dia boleh meninggalkannya kerana aqidah tidak memerlukan golongan yang sedemikian. Hal ini kerana baginya kebenaran itu adalah sesuatu yang tegas dan terang tanpa bengkok mahupun lentur. Aqidah merupakan milik Allah. Aqidah itu tidak boleh diterima bagi mereka yang tidak ikhlas untuk menerimanya. Justeru, bagi Allah Taala telah menyediakan balasan-balasan bagi orang-orang kafir dan orang mukmin satu gambaran pada hari kiamat iaitu, bagi mereka yang kafir api neraka dan siksaan yang pedih. *إِنَّا أَعْتَدْنَا لِلظَّالِمِينَ نَارًا* “*Kerana kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalim itu api neraka*”. Ibnu Kathir (2004) dalam tafsirannya juga ada menyebut mengenai firman Allah Taala kepada Nabi Muhammad SAW ini. Menurut beliau, apa yang diserukan di dalam ayat ini adalah satu kebenaran yang tiada keraguan. Bagi mereka yang menginginkan keimanan maka beriman dan bagi mereka yang memilih untuk menjadi kafir maka kafirlah. Oleh demikian, Allah telah menyediakan azab bagi mereka yang kafir kepada Allah, Rasulnya dan kitabnya dengan gambaran-gambaran azab api neraka. Ayat al-Quran ini dinyatakan oleh Ibnu Kathir termasuk satu ancaman yang keras. Penjelasan mengenai ayat yang disebutkan di atas selari dengan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 256, iaitu,

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ
الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Maksudnya:

“Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan Taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh, yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui”.

Menurut al-Tabbari, para pentakwil telah berselisih pendapat mengenai maksud ayat tersebut. Perselisihan ini ekoran daripada perbezaan yang wujud tentang sebab penurunan ayat ini. Sebahagian daripada mereka menyatakan bahawa ayat ini berkaitan dengan seseorang daripada mereka yang mempunyai anak yang beragama Yahudi dan Nasrani. Ketika Allah SWT menurunkan Agama Islam, mereka telah memaksa anak-anak tersebut memeluk agama Islam. Sebahagian lagi menyatakan ayat ini berkaitan dengan kisah seorang wanita yang tidak mempunyai anak, dan berniat sekiranya dia mempunyai anak kelak akan dijadikan agama anaknya itu agama Yahudi. Maka Allah Taala turunkan ayat tersebut (Al-Tabbari 2009). Gambaran bahawa seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk masuk satu-satu agama telah dibandingkan dengan firman Allah SWT surah Yunus ayat 99,

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مِنَ فِي الْأَرْضِ كُلَّهُمْ جَمِيعًا ۚ أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ

Maksudnya:

“Dan (bukanlah tanggungjawabmu wahai Muhammad menjadikan seluruh umat manusia beriman), jika Tuhanmu menghendaki nescaya berimanlah sekalian manusia yang ada di bumi. (Janganlah engkau bersedih hati tentang kedegilan orang-orang yang ingkar itu; maka patutkah engkau pula hendak memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman?”

Ayat ini memberi gambaran berbeza kepada ayat yang menunjukkan paksaan terhadap orang kafir untuk memeluk Islam dengan pedang. Hal ini menunjukkan bahawa, seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk memeluk agama Islam berdasarkan peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di zaman Rasulullah SAW (Al-Syanqithi 2006). Bagi Sayyid Qutb (2000), ayat ini menyatakan tentang bagaimana Allah SWT menghormati kemahuan, fikiran dan perasaan hambanya dengan memberikan kebebasan untuk memilih dan membuat keputusan terhadap akidah sama ada mahu memilih untuk beriman dan kafir atau hidayah dan kufur. Maka diatas pemilihan ini, Allah SWT menyerahkan kepada manusia tanggungjawab memilih supaya mereka bertanggungjawab dengan setiap pilihan yang mereka lakukan. Hal ini kerana menurutnya, iktiqad merupakan hak pertama manusia yang memberikan kepadanya sifat Insan. Bagi mereka yang dirampas hak kebebasan iktiqadnya maka hak insaniahnya dirampas sejak dari awal lagi. Islam telah menyediakan ruang dan menggalakkan aktiviti dakwah atau penerangan mengenai aqidah yang sebenar dalam keadaan aman, tanpa penindasan dan bersih daripada gangguan. Sekiranya tiada hal sedemikian, maka kebebasan tersebut tiada ertinya, sedangkan Islam itu dasarnya adalah tiada paksaan bagi seseorang dalam beragama (Sayyid Qutub 2000). Pandangan ini selari dengan apa yang disebut oleh Ibnu Kathir (2004), menurut beliau, firman Allah Taala (لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ) “*Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam)*”, membawa maksud melarang untuk memaksa seseorang itu untuk memeluk agama Islam. Hal ini kerana, baginya sudah jelas dan terang akan bukti dan dalil-dalil mengenai tiada paksaan terhadap seseorang untuk memeluk agama Islam. Walaupun begitu, bagi mereka yang diterangkan hatinya oleh Allah SWT, pasti dia akan memilih Islam dan sebaliknya bagi mereka yang ditutup hatinya oleh Allah SWT (Ibnu kathir 2004). Pandangan-pandangan di atas dikuatkan lagi dengan firman Allah SWT dalam surah al-Kafirun ayat 6, iaitu:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

Maksudnya:

“Bagi kamu ugama kamu, dan bagiku ugamaku”.

Maksud ayat di atas selari dengan apa yang disebut dalam surah Yunus ayat 41 yang bermaksud “Bagiku amalku, dan bagi kamu pula amal kamu. Kamu tidak bertanggungjawab terhadap apa yang aku lakukan dan aku pun tidak bertanggungjawab dengan apa yang kamu lakukan”. Jelas, hak kebebasan beragama dalam Islam bukan bermaksud Islam mengiktiraf agama tersebut sebagai benar. Tafsiran ayat ini tidak mengandungi pengakuan ke atas agama yang dipeluk oleh mereka, sebaliknya ayat-ayat ini membentuk satu ancaman dan janji yang menakutkan kepada mereka yang tidak memilih dan membuat pilihan dengan betul, iaitu Islam.

Hal ini turut telah dijelaskan dalam ayat sebelum ini merujuk kepada surah al-Kahfi yang mana bagi mereka yang memilih untuk ingkar dengan Allah Taala telah disediakan bagi mereka api neraka. Jadi ayat *فَلْيَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ*, menjelaskan bahawa ibadah dan agama mereka

adalah jelas kafir. Allah SWT juga telah berfirman kepada mereka, لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ, adalah kerana itu merupakan ibadah orang-orang kafir yang batil. Oleh demikian, sekiranya mereka enggan untuk meninggalkan dan terus memeluknya, terserahlah kepada mereka dengan kebatilan agama mereka yang batil sedangkan Islam satu-satunya agama yang benar. Tegasnya, surah ini menunjukkan bahawa tidak ada sebarang kompromi di atas apa yang telah mereka (orang-orang kafir) tawarkan bagi menyamakan ibadah antara mereka dengan ajaran Rasulullah SAW. Sebaliknya, inilah perbezaan dan pemisah antara yang hak dan yang batil (Al-Syanqithi 2006). Sayyid Qutub (2000) mentafsirkan, ayat ini menunjukkan bahawa Aku di sini, kamu di sana, tiada jambatan, tiada titian dan tiada jalan yang menghubungkan di antara kita. Satu perpisahan yang syumul dan satu perbezaan yang amat jelas dan halus. Hal ini kerana, perpisahan tersebut sebagai satu keperluan untuk menjelaskan wujudnya perbezaan yang penting dan mustahil untuk disatukan dan dipertemukan di antara keduanya. Hal ini kerana Tauhid dan Syirik merupakan dua perkara yang berbeza yang tidak ada titik pertemuan bagi keduanya. Tauhid adalah jalan yang menemukan seseorang kepada Tuhan dan berbeza dengan Syirik.

Al-Shawkani (2008) menegaskan bahawa لَكُمْ دِينُكُمْ “Bagi kamu agama kamu” ini adalah kalimat permulaan untuk menegaskan firmanNya, لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ “Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah.” Dan firmanNya, وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ “Dan aku tidak akan beribadat secara kamu ibadat”. Sebagaimana firmanNya, وَلِيَّ دِينٍ “dan bagiku ugamaku”. Menjadi penegasan untuk firmanNya, وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ “Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah”. Di kedua tempat, yakni iaitu jika kalian rela dan percaya dengan agama kalian, maka aku pun rela dengan agamaku, sesuai firman Allah dalam surah al-Qasas ayat 55,

لَنَا أَعْمَالُنَا وَلَكُمْ أَعْمَالُكُمْ

Maksudnya:

"Bagi kami amal-amal kami dan bagi kamu pula amal kamu"

Hal ini membawa maksud, bahawasanya, agama kalian iaitu “musyrik”, hanya berlaku untuk kalian dan tidak akan mencapaiku sesuai yang kalian inginkan, dan agamaku iaitu Tauhid (pengesaan Allah) hanya berlaku untukku dan tidak mencapai untuk kalian. Turut ada pendapat yang menyatakan maksud ayat tersebut, kalian mendapatkan balasan kalian, dan aku mendapat balasan aku, kerana *diin* bererti balasan.

Ayat-ayat al-Quran yang menerangkan tentang hak kebebasan beragama di atas telah dikuatkan lagi dengan beberapa hadis seperti hadis yang menerangkan mengenai larangan mencerca agama orang lain, iaitu,

مِنَ الْكِبَائِرِ أَنْ يَشْتُمَ الرَّجُلُ وَالِدَيْهِ قَالُوا: وَكَيْفَ يَشْتُمُ الرَّجُلُ وَالِدَيْهِ قَالَ يَسُبُّ أَبَا الرَّجُلِ فَيَسُبُّ أَبَاهُ
وَيَسُبُّ أُمَّهُ فَيَسُبُّ أُمَّهُ

(Al-Turmizi, *Kitab Al-Bir wa Silah*. Bab. Min Kabairi an Yashtuma Ar Rajulu Walidaihi, No. 6493. Hukum Hadith: Al-Albani berkata, “*Sahih at-Tarmizi*” (al-Albani, *Sahih at-Turmizi*).

Maksudnya:

“Ditanyakan pada beliau, “Mungkin seorang itu mencela kedua orang tuanya sendiri? “Rasulullah saw bersabda, “Ya, tatkala seseorang mencela ayah orang lain, bererti ia mencela ayahnya sendiri, demikian jika ia mencela ibu orang lain, bererti ia mencela ibunya sendiri”.

Di dalam kitab Tuhfatul Ahwazi yang ditulis oleh Muhammad Abdul Rahman (1990) telah menerangkan bahawasanya hadis di atas menunjukkan antara perkara yang menjadi dosa besar ialah mengingkari kedua ibu bapa. Hal ini termasuk mencela kedua ibu bapa. Begitu jugalah dengan hal agama, adalah menjadi satu dosa apabila seseorang yang tidak taat dengan agama Islam. Dalam riwayat At-Tirmizi, diterangkan bahawa, (بسبب أبا الرجل فيسب) iaitu lelaki (أباه) ayah orang yang mencelanya (ويشتم) iaitu pada waktu yang lain. Ada juga dikumpulkan bersama dan mencerca juga (أمه) iaitu ibu lelaki tersebut. (ويشتم) iaitu ibu orang yang mencerca itu, gabungan antara الشتم dan السب keduanya ada perbezaan. Dan di dalam kamus terdapat perbezaan antara keduanya. Ada pandangan لسب meliputi hal-hal pengingkaran juga. Hal ini berbeza dengan الشتم. Jelasnya, dalam hal beragama, Ajaran Islam melarang keras mencela agama-agama lain sekiranya kita tidak mahu agama kita iaitu Islam dicela oleh agama lain.

Pengiktirafan Islam kepada hak kebebasan beragama juga boleh dilihat dalam beberapa hadis berkaitan larangan memerangi orang-orang kafir. Antaranya, sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam Kitab Ad-Diyat, bab Man Qotala Mu’ahadan hadis bil. 6914,

مَنْ قَتَلَ نَفْسًا مُعَاهِدًا لَمْ يَرِحْ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ أَرْبَعِينَ عَامًا

Maksudnya:

“Barangsiapa membunuh jiwa yang ada perjanjian damai, maka dia tidak akan mencium wangian syurga, padahal sesungguhnya wangian syurga sungguh dapat tercium dari jarak perjalanan empat puluh tahun”.

Dalam hadis di atas, Imam Bukhari meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW melarang memerangi orang-orang kafir yang mempunyai perjanjian damai dengan orang Islam (ahli Zimmah atau Kafir *Muaahad*) samada perjanjian itu dengan ufti; atau jaminan perlindungan dari Sultan; atau jaminan keamanan dari seorang muslim; atau jaminan perlindungan Allah dan jaminan perlindungan RasulNya. Perbahasan mengenai larangan ini menunjukkan pengiktirafan Islam kepada kewujudan agama selain agama Islam (al-Asqalani 2008). Hal yang sama telah diriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Imam al-Bukhari dalam Kitab Janaiz, Bab Man Qoma Lijanazah Yahudiyyu, bil. 1311,

مَرَّ بِنَا جِنَازَةً فَقَامَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُمْنَا بِهِ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ
إِنَّهَا جِنَازَةٌ يَهُودِيٍّ قَالَ إِذَا رَأَيْتُمُ الْجِنَازَةَ فَقُومُوا .

Maksudnya :

“Satu Jenazah melintas dihadapan kami, maka Nabi SAW berdiri kerananya, dan kami pun ikut berdiri kerananya. Lalu kami berkata, “Wahai Rasulullah, Sesungguhnya itu adalah jenazah orang Yahudi! Beliau SAW bersabda, “Apabila kalian melihat jenazah, maka berdirilah”.

Ibnu Hajar (2008) menjelaskan hal ini dengan menyatakan bahawa jenazah orang yang dimaksudkan adalah orang-orang kafir Zimmi. Terdapat banyak riwayat yang turut menyokong hadis ini antaranya seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Abu Hurairah, Imam Ahmad dan beberapa yang lain menunjukkan bahawa Rasulullah SAW berdiri menghormati disaat jenazah orang Yahudi melalui dihadapan baginda. Hal ini diterangkan dengan beberapa sebab antaranya faktor kematian itu sendiri adalah sesuatu yang menakutkan dan tidak boleh diambil sambil lewa. Turut disebut dalam hal ini bahawa Rasulullah SAW duduk sejurus mayat orang Yahudi melalui hadapan Baginda berlalu. Jelasnya, Rasulullah SAW tetap menghormati seseorang yang berlainan agama sehinggakan pada saat kematian mereka.

Jelasnya, hak kebebasan beragama dalam Islam berbeza dengan Barat meskipun pada asasnya Islam mengiktiraf hak kebebasan beragama. Al-Qardhawi (1926) menyatakan, kebebasan beragama dan beriktikad ini adalah kebebasan pertama yang dibawa oleh Islam. Islam menyeru manusia supaya beriman dengan risalah-Nya secara sukarela, dengan pilihan yang bebas dan bukan secara paksaan. Dalam sistem Islam, keimanan dan kepercayaan yang dipaksa tidak boleh diterima kerana Allah SWT tidak mahu agama Islam dijadikan sebagai bahan ‘permainan’. Maksudnya, tidak bermakna seseorang yang beriman pada hari ini, tetapi kufur pada keesokan hari. Dalam sistem Islam, mereka yang memeluk Islam setelah yakin dan dalam keadaan sedar wajib terus menganutinya, jika tidak ia terdedah kepada hukuman sebagai seorang murtad. Mohammad Hashim Kamali (1998) dalam merumuskan hal ini menyatakan, menyatakan, sistem perundangan Islam tidak mewujudkan pengasingan antara undang-undang dan prinsip agama sebagaimana sistem sekular Barat. Oleh sebab itu, isu kebebasan beragama adalah penting dalam undang-undangnya. Dalam Islam, hak kebebasan beragama merujuk kepada hak untuk menganuti sebarang agama, iaitu seseorang itu bebas untuk memilih agama. Walau bagaimanapun jika seseorang itu telah memilih Islam sebagai agamanya maka adalah dilarang keras untuk keluar dari agama Islam demi untuk menjaga integriti agama Islam itu sendiri. Justeru, kebebasan beragama yang diberikan kepada setiap individu tertakluk dengan syarat selagi mana ia tidak melanggar undang-undang dan syariat Allah SWT (al-Zuhaily 2005).

Hak kebebasan beragama dan tafsiran perlembagaan Malaysia

Sebagai sebuah negara yang majoriti masyarakatnya adalah bangsa Melayu yang beragama Islam maka pendirian negara Malaysia mengenai hak kebebasan beragama dilihat selari dengan prinsip-prinsip dan ajaran Islam, iaitu kebebasan bersyarat. Islam pada hakikatnya, memberikan kebebasan beragama kepada setiap individu yang mana dianggap oleh pemikir hari ini sebagai hak asasi manusia. Namun adalah menjadi tanggungjawab bagi mereka yang memahami Islam untuk memberi penjelasan kepada setiap lapisan masyarakat supaya mereka memahami prinsip dan pengertian Islam tetapi bukan dalam bentuk paksaan (Abdul Monir 1986). Menurut Mahmood Zuhdi (1988), penghayatan cara hidup dalam mana-mana agama masih tertakluk kepada undang-undang negara, iaitu kebebasan yang diberikan hendaklah tidak mengganggu ketenteraman awam atau membawa kepada perselisihan kaum. Dengan itu kebebasan beragama yang diberikan adalah dalam batas-batas tertentu mengikut ajaran agama itu sendiri, terutama dalam mengerjakan ibadat. Kebebasan beragama juga tidaklah boleh

diertikan bahawa seseorang itu bebas mendirikan kuil dan tokong di mana-mana sahaja yang ia suka kerana kebebasan sedemikian itu akan membawa kepada kekacauan dan huru-hara.

Dalam prinsip perlembagaan di Malaysia, hak kebebasan beragama adalah salah satu daripada peruntukan hak asasi yang biasa wujud sebagaimana terdapat dalam mana-mana perlembagaan negara. Dasar-dasar mengenai hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Persekutuan mula dibentuk secara jelas dan berperingkat. Dasar-dasar tersebut boleh didapati melalui dokumen-dokumen tertentu seperti Perlembagaan Malaysia, contohnya, dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan,

“Agama Islam ialah agama rasmi bagi persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”.

Peruntukan ini menunjukkan secara umumnya, Perlembagaan Malaysia meletakkan hak kebebasan dalam beragama. Namun demikian, hak ini ditafsirkan secara berbeza. Setengah pihak mentafsirkannya sebagai tidak mutlak dan sesetengah pihak yang lain mentafsirkannya sebagai mutlak, justeru pada sesetengah pihak, sesiapa sahaja berhak menukar agamanya pada bila-bila masa dan ia seolah-olah menjadi satu lesen besar kepada konsep kebebasan beragama yang mutlak di Malaysia (Aziz Bari 2003). Peruntukan-peruntukan seperti ini lazimnya diwujudkan rentetan daripada kesan pengalaman politik di sesebuah negara seperti apabila rakyat dalam sesebuah negara tersebut berasa bimbang hak-hak mereka ditindas sekiranya kuasa membuat undang-undang dan kuasa kerajaan telah disalahgunakan (Salleh Abbas 1997). Mengulas tentang Hak Kebebasan Beragama di Malaysia, Aziz Bari (2001; 2002; 2008), dengan merujuk kepada kes-kes yang telah dibicarakan dalam mahkamah syariah, beliau berpendapat, masyarakat Islam di Malaysia tidak diberi kebebasan dalam mengamalkan amalan (kebebasan) beragama meskipun tidak bertentangan dengan Islam. Menurut beliau, konsep kebebasan agama di Malaysia perlu dilihat dalam konteks sejarah dan budaya negara Malaysia. Hal ini dapat menjamin keadilan di samping menjaga ketenteraman negara ditambah pula sejarah telah menunjukkan bahawa emosi dan perasaan orang Melayu cukup sensitif. Ia boleh dilihat melalui peristiwa murtad yang berlaku sekitar 80an dan 90an. Tambah beliau lagi, Perlembagaan membenarkan setiap orang untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing dan memperuntukkan larangan penyebaran agama selain Islam kepada orang Islam (Per. 11 Perlembagaan Persekutuan).

Mohamed Azam (2003) berpendapat, dalam Islam, setiap individu mempunyai hak kebebasan beragama, mengamalkan dan beribadat mengikut agama yang dianutinya. Justeru itu, setiap manusia diberi kebebasan mutlak untuk memilih mana-mana agama untuk dianutinya. Hal ini turut dinyatakan dalam penulisan beliau “Perundangan Dan Kenegaraan Islam” yang diterbitkan pada 2006. Dalam tulisannya, beliau merujuk kepada Perkara 3(1) Islam sebagai agama persekutuan bahawa secara nyata perlembagaan telah memberi jaminan kepada orang-orang Islam dan bukan Islam untuk mengamalkan kepercayaan mereka secara aman tanpa apa-apa gangguan. Tambah beliau lagi, hal demikian dikuatkan lagi dengan pernyataan ayat-ayat al-Quran yang secara terang menekankan bahawa dalam keadaan mana sekalipun pun, seseorang itu tidak boleh dipaksa untuk menganuti agama atau kepercayaan kecuali yang berlandaskan kehendaknya. Dalam aspek perundangan ini, beliau menerima cadangan Profesor Shad Faruqi iaitu penguatkuasaan seksyen 298 dan 298A Kanun Keseksaan dalam isu murtad sebagaimana yang terdapat dalam penulisan yang bertajuk, “Debat Pemulihan Akidah: Undang-undang Murtad Hanya Burukkan Imej Islam Dalam Wacana Mingguan Malaysia 1 Oktober 2000.

Nazri Muslim dan Ahmad Hidayat Buang (2012) dalam hal ini pula berpendapat, hak kebebasan agama ini mencakupi hak perseorangan dan juga hak kumpulan. Perlu ditekankan bahawa hak kebebasan agama ini dijamin untuk semua orang, tidak mengira agama, asal keturunan dan sebagainya. Manakala teori perlembagaan mengenai hak kebebasan khususnya tentang kebebasan menukar agama bagi orang Islam tidak boleh diterima pakai di Malaysia kerana kedudukan Islam diberi keistimewaan perlembagaan apabila mereka dilindungi daripada penyebaran agama bukan Islam. Ternyata hak kebebasan beragama bersifat tidak mutlak. Terdapat sekatan dalam perlembagaan dan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen mahupun Enakmen Negeri dan prosedur yang perlu dipatuhi. Justeru, adalah satu tanggapan yang tidak tepat jika mengatakan bahawa kebebasan beragama yang diperuntukkan dalam perlembagaan bersifat mutlak. Ini kerana selagi sekatan tersebut tidak bercanggah dengan perlembagaan, maka ia dianggap sah. Jelasnya, setiap individu yang telah menganut sebarang agama adalah terikat dan berkewajipan dengan peraturan agamanya. Hak beragama ini bukanlah bersifat mutlak bahkan ianya adalah berdasarkan prinsip agama masing-masing.

Di dalam kes *Lina Joy lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain [2007] 4 MLJ 585*, mahkamah memutuskan bahawa kebebasan beragama di bawah Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan memerlukan perayu mematuhi amalan-amalan atau undang-undang agama Islam khususnya mengenai prosedur keluar dari agama itu. Perakuan murtad untuk menganuti agama Kristian diperolehi hanyalah apabila syarat-syarat tertentu dipatuhi dan pihak berkuasa agama Islam memperakukan kemurtadannya. Mahkamah berpendapat bahawa penggunaan perkataan di dalam Perkara 11 iaitu '*.....right to profess and practice his religion....*' Perkataan '*has the right*' itu terpakai kepada '*profess*' dan juga '*practise*': Rujukan dibuat di dalam kes *Kamariah bte Ali lwn Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia [2002] 3 MLJ 657; Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 55* (diikut). Islam itu bukan sahaja suatu himpunan dogma-dogma dan ritual-ritual tetapi ianya adalah juga suatu cara hidup yang lengkap merangkumi semua bidang aktiviti manusia, persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman. Jika diteliti perkara-perkara 11(1), 74(2) dan item 1 di Senarai 2 dalam Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan jelas menunjukkan bahawa Islam yang dimaksudkan di bawah Perlembagaan Persekutuan itu meliputi antara lainnya adalah undang-undang Islam.

Jika seseorang Muslim ingin keluar dari agama Islam, individu tersebut sebenarnya menggunakan haknya di dalam konteks undang-undang syariah yang mempunyai jurisprudennya tersendiri mengenai isu murtad. Apa yang telah dilakukan oleh pegawai JPN adalah semata-mata untuk menentukan perayu bukan lagi beragama Islam secara yang ditetapkan oleh Islam. Justeru itu, tindakan itu tidak boleh dikatakan bertentangan dengan perkara 11(1) yang dengan sendirinya memperuntukkan keperluan mematuhi kehendak-kehendak agama itu sebelum dia keluar dari agama Islam. Cara seseorang keluar dari sesuatu agama adalah semestinya mengikut kaedah atau undang-undang atau amalan yang ditentukan atau ditetapkan oleh agama itu sendiri. Perayu tidak dihalang dari berkahwin. Walau bagaimanapun, kebebasan beragama di bawah Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan memerlukan perayu mematuhi amalan-amalan atau undang-undang agama Islam khususnya mengenai keluar dari agama itu. Apabila ketentuan-ketentuan agama Islam dipatuhi dan pihak berkuasa agama Islam memperakukan kemurtadannya barulah perayu dapat menganuti agama Kristian. Dengan lain perkataan seseorang tidak boleh sesuka hatinya keluar dan masuk agama. Apabila ia menganuti sesuatu agama, akal budi (common sense) sendiri memerlukan dia mematuhi amalan-amalan dan undang-undang dalam agama itu.

Walau bagaimanapun Hakim Mahkamah Persekutuan, Yang Arif Richard Malanjum (Sabah & Sarawak) menentang keputusan majoriti dengan pandangan bahawa Peraturan 4, terutama sub peraturan 4(c)(iva), telah memilih orang Islam bagi beban pertambahan prosedur dan halangan-halangan yang mana adalah tidak bersangkutan dengan undang-undang diri. ~~Ianya~~ memerlukan bahawa mana-mana pendaftar atau pemohon perlu untuk menyatakan agamanya dan keperluan ini tidak terpakai kepada orang bukan Islam. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan layanan kepada orang Islam. Hal ini sama seperti ketidaksamaan layanan di bawah undang-undang dan dalam ketiadaan mana-mana pengecualian didapati untuk menjustifikasikan perbezaan, sub peraturan telah melanggar perkara 8(1) Perlembagaan. Dalam erti kata lain, ia adalah bersifat diskriminasi dan tidak berpelembagaan dan seharusnya ditolak. Atas sebab ini sahaja bahawa relfif yang dipohon oleh perayu seharusnya dibenarkan iaitu, untuk deklarasi bahawa beliau berhak mendapatkan NRIC ('Kad Pengenalan') yang mana perkataan 'Islam' tidak dipaparkan.

Dalam nada yang berbeza beberapa tahun kebelakangan ini, pihak mahkamah mengambil panduan yang lebih terbuka dengan menyatakan kebebasan beragama seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan perlu ditegakkan. Prinsip sedemikian boleh dilihat melalui kes **Azmi bin Mohamad Azam @ Roneey v Director of Jabatan Agama Islam Sarawak & Ors [2017] 9 MLJ 541**, di mana Mahkamah Tinggi Kuching memutuskan bahawa kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan memberi individu kebebasan untuk memuja Penciptanya dalam cara yang mereka fikir dan setuju. Untuk memberi hidup dan makna pada kebebasan beragama yang berperlembagaan, pelaksanaan kebebasan tersebut tidak boleh dihalang dengan mengikat pemohon dengan keputusan Mahkamah Syariah. Pemohon tidak lagi memerlukan perintah Mahkamah Syariah untuk melepaskannya daripada agama Islam kerana hak untuk memilih agamanya terletak pada pemohon sendiri dan bukan pada badan agama. Hak kebebasan beragama adalah hak semulajadi manusia dan dengan itu, hanya pemohon sahaja yang boleh menjalankan hak tersebut. Dalam erti kata lain, hak perlembagaan untuk bebas beragama berada di luar ikatan bidang kuasa Mahkamah Syariah dan pemohon boleh ke mahkamah sivil bagi mendapatkan pengisytiharan bahawa beliau menganuti agama Kristian.

Kesimpulan

Dasar dan hak kebebasan beragama dalam Islam telah jelas. Islam mengiktiraf hak kebebasan beragama tetapi tidak mutlak. Dengan kata lain, kebebasan yang ada had. Hak kebebasan beragama dalam Islam ialah penghormatan terhadap hak kebebasan memilih agama dan mengamalkan ajaran agama masing-masing selagi tidak memperlihatkan unsur-unsur ancaman kepada Islam. Bagi mereka yang telah memilih Islam sebagai agama, prinsip, undang-undang dan nilai-nilai akhlak yang telah digariskan oleh agama Islam mesti dipatuhi secara mandatori. Mereka berhak atau diberi pilihan untuk melanggar tetapi sebarang bentuk pelanggaran telah disertai dengan ancaman dan janji-janji buruk oleh Allah SWT kesan daripada pelanggaran tersebut. Bagi Islam, kebenaran adalah mutlak, iaitu apa yang digariskan sebagai benar oleh kitab suci al-Quran, hadis-hadis Nabi SAW, Sunnah SAW dan prinsip-prinsip yang ditafsirkan bersamanya oleh ulama yang mujtahid. Di samping itu, Islam mengiktiraf peranan akal. Manusia diberi kebebasan untuk berfikir selagi mana tidak bertentangan dengan prinsip dan ajaran-ajaran yang terkandung dalam syariat Islam.

Dasar dan hak kebebasan beragama dalam wajah dan peradaban Barat sehingga kini sebagaimana yang telah diterangkan juga adalah jelas. Berbeza dengan Islam, Mereka memberi kebebasan yang mutlak kepada Individu untuk memilih Agama yang hendak dianuti. Mereka

juga meletakkan Agama setaraf dengan tanggungjawab moral yang lain iaitu sebagai suatu yang sifatnya relatif dan berubah mengikut peredaran dan perkembangan masa. Perubahan dan kerelatifan ini berasaskan sumber pemikiran, rasional dan logik manusia semata tanpa memerlukan dogmatik agama yang tradisional. Undang-undang dibentuk melalui persekitaran logik dan relevan pada masa tersebut. Apa yang difikirkan logik, rasional atau relevan pada sesuatu masa mungkin berbeza pada satu masa yang lain.

Dasar dan hak kebebasan beragama dalam Perlembagaan Malaysia juga telah jelas. Walaupun ada sesetengah yang mentafsirkan hak kebebasan beragama atau hak untuk memilih agama, atau hak untuk menukar agama ini sebagai mutlak tetapi hakikatnya sebarang bentuk tafsiran tersebut mesti ditafsir dan ditaksir bersama dengan sejarah dan budaya negara Malaysia. Memang suatu yang tidak boleh dinafikan, jika ada yang berpandangan bahawa Perlembagaan Malaysia pada dasarnya memberi keizinan untuk seseorang warganya menukar agama, hatta orang Islam sekalipun. Walau bagaimanapun, apa yang telah berlaku dan terus berlaku adalah prosedur dan peringkat-peringkat perundangan yang mesti dilalui dalam menyelesaikan hal ini adalah suatu yang kompleks seolah-olah menunjukkan yang sebaliknya. Justeru, Hak kebebasan beragama dalam perlembagaan Malaysia yang perlu diterima adalah hak kebebasan yang tidak mutlak.

Ketiga-tiga peringkat perbahasan di atas dilihat sangat jelas. Persoalannya adalah kenapa isu ini dilihat tidak selesai. Setiap kali isu-isu berkaitan Islam dibangkitkan di peringkat nasional, sebelum pilihan raya atau selepas pilihan raya atau semasa parlimen sedang berlangsung, media seolah-olah diberi kebenaran untuk mempolitikkan isu ini dengan mempamerkan individu-individu yang tidak “berkelayakan”, secara bebas membahaskan isu tersebut sehingga isu tersebut dilihat oleh masyarakat awam suatu yang mengelirukan seperti melanggar ajaran Islam dan hak asasi manusia tajaan Barat. Lebih lagi, yang mengkritik adalah daripada kalangan orang Islam yang berselindung di sebalik nama-nama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak boleh dikenal pasti. Perkara ini perlu dikawal. Adalah menjadi tanggungjawab umat Islam dalam apa bidang sekalipun untuk mempertahankan kesucian Islam daripada dirobek oleh mereka yang tidak bertanggungjawab atau memiliki agenda dan kepentingan peribadi.

Rakyat di negara ini khususnya yang beragama Islam perlu jelas bahawa untuk memberi pandangan yang betul mengenai Islam atau untuk membolehkan mereka memberi pandangan yang berkesan berkaitan Islam dan masyarakat Islam, mereka seharusnya mampu menguasai Bahasa Arab dan ilmu-ilmu berkaitan al-Quran dan hadis, memahami ilmu Usul Fiqh dan ilmu Maqasid Syariah serta mengetahui dengan jelas masalah-masalah yang hendak diijtihadkan. Dalam hal ini, kita harus gigih berusaha menguasai Islam dengan betul dan melalui cara yang betul. Fahami ilmu-ilmu Islam dengan baik dan belajar memahami persekitaran perkembangan massa sebelum menularkan sebaran bentuk ulasan. Selain itu, isu-isu berkaitan Islam mesti dijawab dengan sistematik dan berstruktur oleh tokoh-tokoh yang dilihat wajar dan layak khususnya daripada agensi-agensinya yang bertanggungjawab seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan lain-lain agensi. Proses memahami umat Islam masih belum selesai dan tidak akan selesai jika kita rakyat Malaysia beragama Islam menyerahkan semata-mata kepada sistem pendidikan yang sedang berjalan. Proses Islamisasi tidak boleh hanya dilihat melalui penjenamaan isu dengan menggunakan terma-terma yang dilihat Islamik. Ada garis halus yang mesti diselesaikan secara berperingkat dan dimuktamadkan melalui kekuatan, keinginan dan keberanian politik. Institusi Islam perlu direformasikan dan distruktur semula. Peredaran dan suasananya masih klasik. Dalam hal ini, kekuatan penyelidikan mesti

dipertingkatkan. Sebarang bentuk dasar, kenyataan, pandangan dan fatwa mesti berasaskan kepada bukti-bukti penyelidikan yang betul dan dilihat betul. Semoga dengan kekuatan politik yang ada, melalui hasrat, impian dan harapan daripada semua rakyat Malaysia, kefahaman masyarakat Islam dapat dipertingkatkan demi menjaga perpaduan dan keharmonian agama, bangsa dan negara.

Penghargaan

Jutaan terima kasih kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah menaja penyelidikan ini. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan dana Cabaran Perdana (Kod Projek DCP-2017-009/3)

Bibliografi

Al-Quran

- Abdul Aziz Bari. 2001. Poligami dan Kebebasan Beragama di Bawah Perlembagaan Persekutuan. *Jurnal Syariah*, 9:2.123-129.
- Abdul Aziz Bari. 2002. Hak Asasi Dalam Perlembagaan Malaysia: Ruang Lingkup dan Masalahnya. *Jurnal Syariah*, 10:1. J 53-70.
- Abdul Aziz Bari. 2008. *Perlembagaan Malaysia: Teori dan Praktis*. Arah Publication. Shah Alam. Selangor.
- Abdul Monir Yaacob. 1986. *Hak Asasi Manusia Menurut Islam: Sejarah Dan Konsepnya*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Muhammad Usman. t.th. *Auun Al- Ma'bud : Syarah Sunan Abi Daud*. Dar Al-Ihya' Al-Turas Al-Arabi
- Adian Husaini . 2005. *Wajah Peradaban Barat : Dari Hegemoni Kristian Ke Dominasi Sekular – Liberal*. Wisnu Pramudya . Jakarta : Gema Insani Press
- Adian Husaini. 2002. *Islam Liberal : Sejarah, Konsepsi, Penyimpangan, dan Jawabannya*. Jakarta: Gema Insani Press
- Al-Tabbari Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. 2009. *Tafsir Thabari. Jil. 4, 9, 13 & 17*. terj. Syaikh Ahmad Muhammad Syakir & Syaikh Mahmud Muhammad Syakir. Jakarta : Pustaka Azzam
- Ahmad F. Yousif. 1999. "Religious Freedom, Minorities, and Islam : A Challenge to Modern Theory of Pluralism" .*Jurnal IKIM* 7:1. hlm 62-66.
- Al- Attas, Syed Naquib. 1993. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur : ISTAC
- Al-Asqalani, Ibnu Hajar. 2008. *Fathul Baari Syarah : Sahih Bukhari*. Jil. 7 & 33. Terj. Amiruddin. Jakarta : Pustaka Azam
- Al-Shawkani, Muhammad ibn 'Ali. 2008. *Tafsir Fathul Qadir. Jil. 2, 3, & 12*. terj. Amir Hamz Fachruddin & Asep Saefullah. Jakarta : Pustaka Azzam
- Al-Syanqithi. 2006. *Tafsir Adwa 'ul Bayan. Jil. 1, 2, 4 & 11*. terj. Fathurazi. Jakarta : Pustaka Azzam
- Curzon, L.B. 2006. *Dictionary of Law. Sixth Edition*. Selangor : ILBS
- Hashim Kamali. 1998. *Freedom of Expression in Islam*. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn Bhd.
- Ibn Kathir, Isma'il ibn 'Umar. 2004. *Tafsir Ibnu Katsir. Jil. 1 & 5*. terj. M. Abdul Ghafar E.M & Abu Ihsan al-Atsari. Bogor: Pustaka Imam Asy-Syafi'i
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukram. 1993. *Lisan Lil Lisan Tahzib Lisan Arabi*. Juz. 1. Beirut: Dar Al-Kitab Al-Ilmiah.

- Idris Zakaria. 2006. *Liberalisma dan Pluralisma Agama Ancaman Baru Islam di Malaysia*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.
- Khalif Muammar. 2009. *Atas Nama Kebenaran: Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Selangor: ATMA
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid (pnyt.). 1988. Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia. Kuala Lumpur. Fakulti Syariah Akademi Islam: Universiti Malaya.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. 2003. Hak Tukar Agama Dalam Perlembagaan Malaysia: Konflik Antara Kebebasan Beragama dan Hukum Islam. *Jurnal Syariah*, 11:1. 23-26.
- Mohd Taufik Mohd Tasrip. 2014. Kebebasan Beragama Dalam Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Sivil di Malaysia Implikasinya Kepada Kebajikan Kanak-Kanak. Kuala Lumpur. Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya.
- Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim. 1990. *Tuhfatun Al-Ahwazi Bi Syarh Jami' At-Tirmizi*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah
- Nazri Muslim & Ahmad Hidayat Buang. 2012. Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan Dari Perspektif Hubungan Etnik Di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan Bil. 20*.
- Perlembagaan Persekutuan. 1998. Kuala Lumpur: MDH Printed and Publishers.
- Al-Qardhawi, Yusuf. 1926. *Fiqh Jihad*. Maktabah Wahbah. Al-Qahirah: Mesir.
- Qutb, Sayyid. 2000. *Tafsir Fi Zilalil Qur'an. Jil. 2, 4, 8, 20, & 17*. Terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd
- Salleh Abbas. 1997. *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Sheikh Abdullah Basmeih .1980. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian: Al-Quran (30 juz)* . Kuala Lumpur : Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri
- Tri Yuliana Wijayanti 2016 Konsep Kebebasan Beragama Dalam Islam Dan Kristian, *PROFETIKA, Jurnal Studi Islam*, Vol.1 , No. 1, 16-22
- Al-Zuhaily, Wahbah. 2005. *Fiqhul Islami Wa Adillatuhu*. vol. 6 Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Zulkifli Hasan dan Norfahdhilah Mohd Ali. 2007. Kedudukan Murtad Menurut Perspektif Undang-undang di Malaysia. Kertas Kerja dibentang pada Diskusi Syariah dan Undang-undang. USIM. 17 Januari.